

## **Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Jenayah Islam** *Implementation of Death Penalty in Malaysia From The Islamic Criminal Law Perspective.*

WAFAA' YUSOF, Universiti Kebangsaan Malaysia  
MUHAMMAD HARIZ MUQRI AZMI, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: April 10, 2021    Accepted: May 24, 2022    Online Published: June 15, 2022

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### ABSTRAK

*Malaysia masih kekal melaksana hukuman mati dalam sistem perundangan jenayah negara. Namun, usul untuk menyemak semula undang-undang berkaitan pelaksanaan hukuman mati bermula sejak tahun 2013. Segelintir masyarakat di Malaysia tidak berpuashati terhadap pelaksanaan hukuman mati dan mencetus idea semakan ini. Undang-undang jenayah Islam tercalit sama dalam kebangkitan idea ini apabila ia dianggap suatu undang-undang yang melanggar prinsip-prinsip hak asasi manusia berkaitan hak perlindungan diri dan nyawa dari sebarang bentuk penyiksaan, hukuman yang kejam dan tidak berperikemanusiaan. Justeru, artikel ini dipersembahkan untuk membincangkan kedudukan hukuman mati menurut Islam yang jelas disebut dalam nas-nas al-Quran dan sunnah Rasulullah secara qat'i. Pandangan dan hujah para fuqaha dianalisis untuk menjelaskan justifikasi Islam mengekalkan hukuman mati ini. Konsep pelaksanaan hukuman mati menurut perundangan jenayah di Malaysia dan undang-undang jenayah Islam dianalisis secara perbandingan untuk menilai kedudukan penguatkuasaan hukuman mati di kedua-dua bidang kuasa perundangan ini. Data kajian ini dikumpul secara kualitatif dan dianalisis secara diskriptif dan perbandingan. Kajian mendapati terdapat beberapa kepincangan dalam pelaksanaan hukuman mati di Malaysia berbanding dengan pelaksanaannya menurut undang-undang jenayah Islam. Jika pelaksanaan hukuman mati di Malaysia mematuhi ketetapan undang-undang jenayah Islam, nescaya suatu hukuman yang adil dan saksama mampu dicapai.*

*Kata Kunci: pelaksanaan, hukuman mati, undang-undang, jenayah dan Islam*

### ABSTRACT

*Malaysia still maintains the execution of death penalty in the country's criminal legal system. Nonetheless, the proposal to reevaluate the relevant legislation pertaining execution of death penalty has commenced since 2013. Several quarters in Malaysia have voiced their discontentment on the execution of death penalty and have brought about the said re-evaluation idea. Islamic criminal law is affected by the rise of this idea whereupon it has been considered the law which infringes the principles of basic human rights pertaining right of self and life protection from any form of torture, cruel and inhumane punishment. Hence, this article is presented for the purpose of discussing the position of death penalty which is clearly provided for by way of qat'i in al-Quran and Sunnah. The view and argument of fuqaha are analysed to elucidate the justification in Islam in maintaining the execution of death penalty. The execution of death penalty concept according to criminal law in Malaysia and Islamic criminal law are analysed comparatively so as to evaluate the position of enforcement of death penalty in both legal jurisdictions. This research data is gathered qualitatively and analysed descriptively and comparatively. This research establishes the fallacies in the execution of death penalty in Malaysia in comparison to its execution according to Islamic law. A fair and equitable punishment is capable to be achieved should the execution of death penalty in Malaysia conforms to the provisions as per the Islamic criminal law.*

*Keywords : execution, death penalty, law, crime and Islam.*

### PENGENALAN

Hukuman mati melibatkan pengambilan nyawa manusia apabila seseorang itu melakukan kesalahan jenayah berat dan tegar. Kategori perbuatan atau tindakan yang dianggap jenayah yang boleh dihukum dengan hukuman ini pula berbeza mengikut adat, budaya, agama dan juga sistem perundangan sesuatu

kaum, bangsa dan pemerintahan. Bahkan perbuatan si pelaku jenayah dianggap sangat berbahaya sehingga meletakkan kehidupan dan nyawanya tidak layak untuk mendapat perlindungan lagi. Hukuman mati bukan suatu bentuk hukuman yang baru dalam sistem keadilan jenayah dalam tamadun manusia. Sejarah telah membuktikan dan menggambarkan hukuman mati sebagai kaedah untuk mengekalkan sistem keadilan dalam satu puak, kaum, bangsa dan pemerintahan. Pengambilan nyawa melalui hukuman

mati ini dianggap sah di sisi undang-undang adat, agama, budaya dan undang-undang sesebuah negara yang mengkanunkannya.

Namun, hukuman ini mula dipertikaikan apabila berlaku beberapa insiden dan amalan yang mencemar sistem keadilan kehakiman jenayah. Hukuman yang diputuskan penuh kontroversi serta prejudis dan akhirnya mengarah kepada ketidaksesuaian pelaksanaan hukuman yang dijatuhkan. Malah menurut penulisan Miszairi Sitiris (2016) yang dinukilkan dari *Encyclopedia of Shinto*, pemansuhan hukuman mati mula berlaku seawal antara tahun 747 dan 759 masehi di China dan pada tahun 818 masehi di Jepun. Hukuman yang berzaman dikuatkuasakan dan dilaksanakan seiring dengan perkembangan tamadun manusia, mula dilihat dan dianggap sebagai tidak wajar, mempamerkan kejahatan, kezaliman, kekejaman, tidak berperkemanusiaan, bertentangan dengan norma kemanusiaan, hak asasi manusia dan pelanggaran terang-terangan terhadap hak-hak manusia untuk hidup.

Perdebatan dan pertikaian mengenai isu pelaksanaan hukuman mati sama ada di peringkat domestik mahupun di peringkat global makin dibangkitkan sejak kebelakangan ini. Ternyata dari kajian dan penulisan sebelum ini terdapat dua pandangan utama dalam membicarakan isu ini. Golongan pertama berpegang kepada kewajaran hukuman mati untuk dilaksanakan dan golongan yang kedua yang berpendirian sebaliknya. Alasan dan justifikasi bersandarkan hujah dan ideologi tersendiri dari pelbagai sudut yang berkait rapat dengan norma kemanusiaan, hak asasi manusia dan juga sumber perundangan mendasari pandangan mereka.

Keberkesanan hukuman mati menangani peningkatan statistik jenayah berat menjadi hujah utama golongan yang mempertahankan penguatkuasaan dan pelaksanaan hukuman mati. Malah pembalasan yang lebih setimpal serta adil kepada mangsa yang tertindas juga membayangkan pendirian mereka. Hukuman mati dilihat sebagai salah satu alternatif yang masih wajar dilaksanakan kerana ia bukanlah bersifat kejam jika dilihat dari sudut positif iaitu bagi tujuan pencegahan, pemulihan pengajaran dan pembalasan terhadap sesuatu jenayah (Ramalingam Rajamanickam et.al 2012). Hukuman mati ini merupakan satu pembelaan yang adil kepada mangsa jenayah terutama dalam jenayah bunuh. Malahan ia memberi ketenangan kepada waris si mangsa dan juga meredakan ketakutan masyarakat terhadap ancaman jenayah berprofil tinggi ini. Pensabitan jenayah yang melibatkan hukuman mati dilakukan dengan penuh teliti dan dibuktikan dengan keterangan yang kukuh tanpa keraguan yang munasabah. Suatu sistem perundangan dan kehakiman jenayah yang adil, bersih dan efisien merupakan jaminan kepada penguatkuasaan dan pelaksanaan apa jua bentuk hukuman termasuk hukuman mati. Bahkan kepercayaan masyarakat kepada keadilan dan kesempurnaan sistem kehakiman

jenayah negara amat penting dalam penerimaan ketetapan bentuk-bentuk hukuman ini.

Berbeza dengan pandangan kedua yang melihat hukuman ini sebagai satu pencabulan hak untuk hidup seorang insan secara khusus dan pelanggaran prinsip serta nilai hak asasi manusia secara umum. Pelaksanaan hukuman mati yang dianggap satu hukuman yang zalim, kejam dan tidak berperikemanusiaan jelas bertentangan dengan norma-norma kemanusiaan. Selain itu, mereka juga mendakwa terdapat kesalahan jenayah yang dikenakan hukuman mati itu tidak setimpal dengan perbuatan jenayah yang dikenakan.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong yang bertanggungjawab mengusulkan pemansuhan hukuman mati mandatori, terdapat tiga puluh dua seksyen dalam lapan undang-undang Persekutuan yang memberikan hukuman mati kepada mereka yang disabitkan kesalahan. Dua belas jenis kesalahan yang diperuntukkan dalam seksyen-seksyen tersebut membawa kepada hukuman mati secara wajib atau mandatori dan salah satu daripadanya ialah kesalahan mengedar dadah. Manakala yang selebihnya akan dikenakan hukuman mati mengikut budi bicara hakim (Malaysiakini 2018). *Amnesty International*, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di peringkat antarabangsa, melaporkan bahawa kebanyakan mereka yang disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah di bawah Seksyen 37 Akta Dadah Merbahaya 1952 di Malaysia, hanya membawa kuantiti dadah yang kecil dan berperanan sebagai keldai dadah namun tidak melibatkan sebarang unsur keganasan. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa apabila seseorang itu ditahan dengan sejumlah dadah atau hanya dengan memilik atau mengawal alat ataupun premis di mana dadah dijumpai, maka seseorang tersebut boleh disabitkan dengan kesalahan memiliki dan mengedar dadah di bawah Seksyen 37 Akta Dadah Merbahaya 1952 tanpa memerlukan pembuktian lain walaupun pada asalnya tidak menyedari kewujudan dadah tersebut (*Amnesty International* 2019). Oleh itu, pelaksanaan hukuman mati secara mandatori terhadap kesalahan mengedar dadah dianggap tidak setimpal serta berlaku ketidakadilan dalam penetapan hukuman. Tambahan pula, mereka mendapati bahawa undang-undang antarabangsa melarang penguatkuasaan hukuman mati mandatori namun dibolehkan bagi kesalahan-kesalahan yang berat dan dilihat serius seperti jenayah membunuh dengan niat (*Amnesty International* 2019). Ini sekaligus membuktikan bahawa hukuman mati mandatori dalam kes sedemikian adalah bersikap melampau, keterlaluan dan tidak setimpal dengan hukuman yang dikenakan.

Pemansuhan hukuman mati mandatori ini merupakan salah satu pelaksanaan janji ke-27 Manifesto Pakatan Harapan pada Pilihanraya Umum ke-14 (Berita Harian 2019). Menurut Datuk Liew Vui Keong, cadangan ini sebenarnya adalah rentetan daripada kajian yang dilakukan oleh kerajaan

terdahulu iaitu kajian yang dilaksanakan oleh pihak I-CeLLS sekitar tahun 2013 yang dikenali sebagai *The Death Penalty in Malaysia and the Way Forward*. Melalui kajian ini, didapati bahawa antara salah satu cadangan yang dikemukakan dalam hasil kajian adalah pengesyoran pemansuhan terhadap kesemua jenis hukuman mati di Malaysia (Berita Harian 2019). Sejalan dengan usul yang dikemukakan bagi pemansuhan hukuman mati, pihak kerajaan pada masa itu telah menubuhkan sebuah organisasi iaitu Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian terhadap Hukuman Mati Mandatori pada 29 Ogos 2019 yang dipengerusikan oleh seorang bekas Ketua Hakim Negara (Berita Harian 2019). Tujuannya adalah untuk melaksanakan semakan dan kajian secara menyeluruh berkaitan polisi penghukuman dalam menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman alternatif lain yang lebih wajar serta tertakluk kepada budi bicara mahkamah (Astro Awani 2020). Dengan kata lain, cadangan pemansuhan ini merupakan salah satu langkah untuk memperkasakan budi bicara hakim di mahkamah. Kuasa budi bicara hakim diperluaskan dalam menjatuhkan hukuman lain selain daripada hukuman mati melalui hukuman-hukuman alternatif yang lain berdasarkan fakta kes dan juga tahap kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang didapati bersalah. Pihak pendakwa raya masih boleh menfaikan rayuan ke peringkat mahkamah atasan sekiranya hukuman yang dijatuhkan oleh hakim dianggap tidak memadai (Berita Harian 2019). Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan dalam tempoh tersebut namun tidak ada sebarang pembaharuan yang dijanjikan atau dibentangkan membuah hasil sebelum kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan pada Ogos 2021.

Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia Malaysia atau dikenali sebagai SUHAKAM juga berpendirian untuk memansuhkan hukuman mati secara total. Justifikasi yang sama melandasi pendirian mereka ini iaitu pelanggaran norma kemanusiaan, pencabulan hak hidup, penghinaan maruah insan dan kezaliman yang berlaku (Malaysiakini 2018). Suara yang sama juga kedengaran dari beberapa pertubuhan yang lain seperti *Bar Council Malaysia*, *Amnesty International*, *Lawyer of Liberty (LFL)*, dan juga Suara Rakyat Malaysia (SUARAM). Isu berkaitan pemansuhan hukuman mati bukan setakat berlegar di sempadan bumi Malaysia sahaja. Kebanyakan negara menolak penguatkuasaan dan pelaksanaan hukuman ini bersandarkan alasan dan justifikasi yang sama. Antaranya ialah Amerika Syarikat, Brazil, Costa Rica, Norway, Colombia, Iceland, Jerman, Finland, England, Sweden, Itali, Switzerland, Uruguay dan Panama. Justeru, negara-negara yang dinyatakan ini telah memansuhkan hukuman mati dari perundangan negara mereka. Tambahan lagi, tarikh 10 Oktober setiap tahun telah dijadikan sebagai Hari Anti Hukuman Mati Sedunia sebagai bantahan ataupun protes terhadap negara-negara yang masih mengamalkan pelaksanaan hukuman mati

(Ramalinggam Rajamanickam et.al 2012). Namun, Malaysia masih mengekalkan pelaksanaan hukuman mati sebagaimana yang ditetapkan oleh bidangkuasa perundangan negara.

Pendirian para penggubal undang-undang dan kerajaan Malaysia mempertahankan pelaksanaan hukuman mati dilihat selari dengan Islam secara umumnya. Islam tidak melarang hukuman ini dan umat Islam akan terus mempertahankannya sebagai cara menegakkan hak-hak Allah dan juga melaksanakan amanah Allah untuk berlaku adil dalam kehakiman. Malah harus diakui bahawa undang-undang Islam berkongsi hujah golongan yang mempertahankan hukuman mati (*retentionist*) bahawa hukuman mati mencapai tujuan pencegahan dan kawalan jenayah dalam kalangan masyarakat. Hukuman mati diperuntukkan secara jelas dalam sumber perundangan Islam yang utama al-Quran, berkaitan beberapa kategori jenayah yang melibatkan hukuman mati. Namun, kategori jenayah Islam yang melibatkan hukuman mati sedikit berbeza dengan kategori di bawah perundangan di Malaysia. Perbezaan secara tidak langsung dikenal pasti juga dalam beberapa isu dan antaranya, penglibatan hak manusia dan hak Allah, *maqāsid* pensyariatan atau ketetapan hukuman yang terlibat, hak mangsa dan pemangsa dan sebagainya yang perlu diteliti. Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk merungkaikan perbezaan antara dua bidangkuasa perundangan ini dan menganalisis kedudukan pelaksanaan hukuman mati di Malaysia dengan ketetapan hukuman mati yang disyariatkan dalam perundangan Islam. Pengumpulan data penulisan adalah secara kualitatif. Data terkumpul dari sumber primer dan sekunder seperti kitab-kitab fiqh, statut perundangan dan artikel-artikel dari jurnal serta tabloid dianalisis secara deskriptif dan perbandingan mengikut tema-tema yang sesuai.

#### PELAKSANAAN HUKUMAN MATI DI MALAYSIA

Hukuman mati merupakan salah satu bentuk hukuman yang diperuntukkan secara jelas dalam perundangan berkaitan jenayah di Malaysia dan pastinya penggubalan undang-undang ini sejajar dengan ketetapan Perlembagaan Persekutuan. Penguatkuasaan dan pelaksanaan hukuman mati di negara ini hanya melibatkan bidangkuasa perundangan dan kehakiman Persekutuan sahaja tanpa menyentuh bidangkuasa negeri. Ia terbahagi kepada dua kategori iaitu hukuman mati mandatori dan hukuman mati menurut budi bicara. Hukuman mati mandatori merupakan suatu bentuk hukuman atau keputusan yang telah ditetapkan menerusi peruntukan undang-undang tertentu secara muktamad. Hukuman ini dijatuhkan oleh pihak mahkamah kepada tertuduh melalui peruntukan undang-undang tanpa sebarang pilihan ataupun hukuman gantian terhadapnya (Azman Mohd Nor 2008). Mandatori dalam penghukuman itu sendiri bermaksud bahawa apabila

seseorang itu didapati bersalah, maka mahkamah tidak ada pilihan lain, melainkan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Hakim hendaklah akur dan patuh kepada ketetapan undang-undang yang dikanunkan jika tertuduh berjaya disabitkan dan terbukti bersalah tanpa keraguan yang munasabah.

Kesalahan jenayah yang terlibat di bawah kategori ini kebiasaannya kesalahan jenayah berat, ekstrim dan berprofil tinggi seperti jenayah bunuh, pemilikan senjata api, pengedaran dadah dan sebagainya. Justeru, antara peruntukan undang-undang yang melibatkan hukuman mati mandatori ialah Kanun Keseksaan, Akta Dadah Merbahaya 1952 dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971. Pada tahun 2019, terdapat tiga puluh tiga kesalahan di bawah akta sedia ada yang membawa hukuman mati dengan sebelas daripadanya adalah mandatori. Sembilan daripada kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori tersebut diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan dan dua lagi mengikut Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971. Sementara dua puluh dua daripada tiga puluh tiga kesalahan itu, mahkamah ada budi bicara untuk menjatuhkan hukuman gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dan sebatan bergantung kepada semua faktor perundangan dan fakta kes yang dikemukakan dalam perbicaraan (BERNAMA 2019).

Hukuman mati berdasarkan kepada kuasa budi bicara hakim yang luas bermaksud hakim boleh menjatuhkan hukuman selain hukuman mati seperti penjara seumur hidup atau dipenjarakan bagi tempoh tertentu berdasarkan fakta kes. Hukuman mati atas budi bicara hakim mengambil kira keadaan keseluruhan kesalahan jenayah yang berlaku seperti peribadi, sikap dan suasana yang menyebabkan atau mendorong perlakuan jenayah terbabit serta sebab-sebab munasabah yang dikira wajar. Menurut kajian 2012, pelaksanaan kuasa budi bicara akan dinilai berdasarkan kepada motif perbuatan jenayah itu dilakukan niat dan kemunasabahan pesalah dalam melakukan perbuatan jenayah tersebut melalui bukti-bukti dan saksi yang ada (Ramalinggam Rajamanickam et.al 2012). Kuasa bersifat budi bicara hakim yang diberi oleh undang-undang ini menyediakan pilihan kepada hakim sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati atau tidak. Justifikasi atau sebab mengapa hukuman mati dipilih perlu diberi serta dijelaskan oleh hakim. Menurut pernyataan Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud lagi dalam Sinar Harian (2018), keputusan mahkamah ini akan menjadi perdebatan di luar mahkamah. Namun, jika undang-undang menjelaskan kriteria sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati, maka ia akan memudahkan kerja hakim. Justeru para hakim memainkan peranan yang amat penting dengan menggunakan kebijaksanaan dan meneliti hukuman mana yang lebih sesuai sebelum diputuskan oleh mahkamah. Selain itu, keputusan yang dibuat itu perlulah selari dan bertepatan dengan peruntukan undang-undang yang terpakai dalam kesalahan tersebut. Antara peruntukan undang-undang yang

melibatkan kesalahan yang boleh disabitkan dengan hukuman mati menurut budi bicara di Malaysia ialah Seksyen 3(1) Akta Penculikan 1961 dan Seksyen 121 Kanun Keseksaan.

#### 1. Matlamat Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia

Penggubalan undang-undang yang melibatkan hukuman mati bermatlamatkan pembalasan, pencegahan, pemulihan dan secara tidak langsung melibatkan penjagaan maslahat individu dan masyarakat. Hukuman mati merupakan suatu bentuk pembalasan yang amat berat kerana melibatkan kehilangan nyawa dan jiwa seseorang. Tiada siapa pun yang dibenarkan mengambil nyawa orang lain yang masih hidup sewenang-wenangnya samada menurut agama Islam, pegangan-pegangan kepercayaan, norma kemanusiaan, nilai kemoralan dan undang-undang. Perkara 5 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Berlandaskan Perkara dalam undang-undang tertinggi negara Malaysia ini, hukuman mati dibenarkan dikuatkuasakan dan dilaksanakan di bawah bidangkuasa keadilan jenayah sebagai tujuan pembalasan terhadap jenayah yang dilakukan di samping memberi keadilan kepada ahli keluarga ataupun mangsa waris yang dizalimi menerusi jenayah yang dilakukannya. Konsep hukuman mati mandatori itu sendiri merupakan suatu bentuk pembalasan yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan walaupun dianggap keras dan tegas. Keadaan ini menurut Azman Mohd Nor (2008) lagi, adalah disebabkan hukuman mati mandatori berasaskan kepada konsep yang berunsur ketegasan iaitu setiap pesalah mesti dihukum dengan hukuman mati jika sabit kesalahan dan pesalah tidak boleh dijatuhkan dengan hukuman lain selain daripada hukuman mati.

Azman Mohd Nor (2008) juga menyatakan dalam kajiannya bahawa hukuman jenayah di Malaysia ini pada asasnya adalah berteraskan kepada pencegahan dan hukuman yang berat adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar kesalahan jenayah tersebut. Ini terbukti dari kewujudan beberapa bentuk hukuman lain seperti tempoh pemenjaraan dalam peruntukan berkaitan kesalahan jenayah pengedaran dadah dan pemilikan senjata api yang boleh disabitkan dan dilaksanakan hukuman mati. Dasar pencegahan dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan hukuman mati di Malaysia menurut Hamidi Abdul Ghani (1998), boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama ialah dasar pencegahan dengan tujuan untuk menghalang orang lain daripada melakukan jenayah yang sama seperti apa yang telah dilakukan oleh penjenayah sebelum ini. Manakala yang kedua ialah dasar pencegahan dengan tujuan untuk mencegah para pesalah daripada mengulangi perbuatan jenayah yang telah dilakukan sebelum ini. Justeru, sebarang percubaan yang dilakukan khususnya melibatkan kesalahan-kesalahan

yang berkaitan dengan hukuman mati ini perlu dicegah agar jenayah tersebut tidak dapat dilakukan atau diteruskan.

Sementara bermatlamatkan pemulihan dalam pelaksanaan hukuman mati merupakan suatu dasar yang ditujukan kepada penjenayah itu sendiri agar menginsafi kesalahan yang pernah dilakukan menerusi peranan yang akan dimainkan oleh pihak pengurusan penjara dalam tempoh sebelum hukuman mati dijalankan. Tidak dinafikan bahawa hukuman mati juga menjadi pemangkin utama terhadap proses pemulihan para pesalah disebabkan hukuman ini merupakan hukuman paling berat kerana menyebabkan kehilangan nyawa di samping dapat mengembalikan nilai jati diri dalam diri pesalah itu sendiri.

## 2. Kategori Jenayah Yang Dikenakan Hukuman Mati Hukuman Mati Mandatori

Hukuman mati mandatori boleh dijatuhkan setelah disabitkan tanpa keraguan yang munasabah terhadap kesalahan jenayah yang bersifat ekstrim seperti jenayah membunuh dengan sengaja, memiliki senjata api, mengedar dadah dan sebagainya. Justeru, antara peruntukan undang-undang yang melibatkan hukuman mati mandatori ialah Kanun Keseksaan, Akta Dadah Merbahaya 1952, dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

## 3. Kanun Keseksaan

Secara asasnya, terdapat beberapa seksyen dalam Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang boleh disabitkan dan dijatuhkan dengan hukuman mati. 9 dari kesalahan tersebut melibatkan hukuman mati mandatori dan yang berbaki melibatkan hukuman mati atas kuasa budi bicara hakim. Seksyen 121A dari akta ini contohnya, memperuntukkan:

Barang siapa merancang, mengada-ada, mereka-reka, berikhtiar atau berusaha akan kematian atau kecederaan atau penjaranaan atau terhalangnya Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja atau Yang di-Pertuan Negeri, bakal-bakal atau pengganti-penganti mereka, hendaklah diseksa dengan bunuh dan bolehlah dikenakan denda.

Begitu juga Seksyen 130C (1)(a) ada menggariskan:

Barang siapa, dengan apa pun cara, secara langsung atau tak langsung, melakukan perbuatan pengganas hendaklah diseksa dengan bunuh jika menyebabkan kematian.

Seksyen 302 pula memperuntukkan:

Barangsiapa melakukan kesalahan membunuh orang hendaklah diseksa dengan bunuh.

Jelas di sini, seseorang itu didapati bersalah melakukan kesalahan secara ekstrim terhadap Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu atau Yang di-Pertuan Negeri, melakukan perbuatan yang berunsur

keganasan sehingga menyebabkan kematian serta kesalahan membunuh, maka hukuman yang akan dikenakan terhadap pesalah tersebut adalah hukuman mati mandatori.

## 4. Akta Dadah Merbahaya 1952

Akta Dadah Merbahaya 1952 mengalami beberapa pindaan terutama seksyen 39B. Peruntukan 39B(2) Ordinan 1952 seperti yang dipinda oleh seksyen 7 Akta Dadah Berbahaya (pindaan) 1975 memperuntukkan hukuman mati dalam bentuk pilihan kepada penjara seumur hidup (Hashim bin Mehat 1987). Namun, hukuman yang dikenakan ke atas pesalah yang disabitkan dengan kesalahan ini bertukar kepada hukuman mati mandatori dan tiada pilihan hukuman diberikan setelah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dipinda sekali lagi pada tahun 1983. Seksyen 39B dari Akta Dadah Merbahaya 1952 (Pindaan) 1983, memperuntukkan hukuman mati secara mandatori ke atas pesalah yang disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya, melakukan, menawar, melakukan sesuatu sebagai persediaan untuk pengedaran dadah berbahaya sama ada pesalah terbabit itu berada di dalam mahupun di luar negara (Ramalinggam Rajamanickam et.al 2012). Kesalahan yang berkaitan dengan pengedaran dadah ini mempunyai skop kesalahan yang amat luas sehingga membabitkan bukan sahaja pengedar dan penggunaannya malah sesiapa sahaja yang terlibat. Kajian Azman Mohd Nor dan Mohd Al Ikhsan pada tahun 2010, merumuskan terdapat banyak faktor yang menyebabkan pihak Kerajaan Malaysia meminda hukuman tersebut. Antaranya kerana terlalu banyak pengaruh dan kesan negatif berkaitan dengan pengedaran dadah termasuklah dari segi kesihatan, keselamatan orang ramai, keamanan masyarakat awam, menghapuskan nilai keagamaan, menghancurkan negara dan menjatuhkan nilai kemasyarakatan serta institusi keluarga.

Selain itu, jika hukuman mati dijadikan pilihan kepada hukuman penjara seumur hidup, sudah pasti terdapat sesetengah hakim yang lebih cenderung untuk memilih hukuman penjara seumur hidup. Maka, hal ini akan menyebabkan jenayah dadah ini kekal berleluasa kerana para pengedar dadah terutamanya tetap memperjudikan nasib mereka untuk terus melakukan aktiviti tidak bermoral ini (Azman Mohd Nor et.al 2010). Terlalu banyak kesan negatif terhadap kesalahan yang berkaitan dengan pengedaran dadah ini sehinggakan hukuman ke atas kesalahan ini adalah hukuman mati mandatori berdasarkan kepada Seksyen 39B Akta Dadah Merbahaya 1952.

Pada tahun 2019 kerajaan Malaysia bercadang menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman mati atas budi bicara mahkamah bagi sembilan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan dua kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971. Walau bagaimanapun, kesalahan di bawah Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) tidak pula tersenarai untuk diberikan pemansuhan hukuman mati mandatori sedangkan

kesalahan dan hukuman yang diperuntukkan dalam akta inilah antara penggerak utama tuntutan kepada pemansuhan hukuman mati di Malaysia. Menurut statistik sehingga 2019, seramai 1,267 banduan berdepan hukuman mati (banduan akhir) di bawah Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya 1952, tetapi hukuman itu tidak dilaksanakan sejak 2014. Haeme Hashim seorang peguam yang beramal di Malaysia menjelaskan, sistem perundangan yang bersifat teknikal kadangkala bagaikan memaksa mahkamah untuk menilai dan menerima bukti-bukti yang dibawa sedangkan pada hakikatnya tertuduh tidak melakukan jenayah pengedaran dadah tersebut. Dengan kata lain, akan ada situasi yang berkemungkinan seseorang berada pada masa yang tidak baik atau malang dan bukti-bukti yang diperoleh pula mungkin menjurus kepada kebersalahan beliau biarpun tertuduh hakikatnya tidak terlibat atau dipaksa untuk terlibat. Contoh terbaik yang diberi oleh Haeme adalah isu keldai dadah yang menjadi mangsa sindiket penyeludupan dadah (2019). Pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 pada tahun 2017 merupakan pindaan undang-undang berkaitan hukuman mati yang terakhir dibuat. Pindaan tersebut membolehkan mahkamah menentukan sama ada seseorang pesalah pengedaran dadah dijatuhi hukuman mati atau dipenjarakan seumur hidup, dan bukan hukuman mati mandatori seperti asalnya (Azmad Samsuddin 2019).

#### 5. Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971

Seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 Akta 37 memperuntukkan:

Seseorang yang pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan berjadual melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seseorang hendaklah dihukum mati walaupun tiada apa-apa kecederaan berlaku oleh sebabnya.

Oleh yang demikian, sesiapa melakukan kesalahan berjadual melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api akan dihukum dengan hukuman mati secara mandatori walaupun tembakan tersebut tidak mendatangkan apa-apa kecederaan disebabkan oleh perbuatan jenayahnya.

Manakala, Seksyen 3A dari Akta yang sama pula memperuntukkan:

Jika, dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seseorang, melepaskan tembakan senjata api pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan suatu kesalahan berjadual, setiap seorang daripada rakan sejenayahnya mengenai kesalahan itu yang berada di tempat kesalahan itu dilakukan atau cuba dilakukan atau disubahati dilakukan, yang mungkin dengan munasabah dianggap telah mengetahui bahawa orang itu telah membawa atau ada dalam miliknya atau jagaannya atau kawalannya hendaklah, walaupun tiada apa-apa kecederaan yang disebabkan oleh lepasan tembakan itu,

dihukum mati melainkan jika dia buktikan telah mengambil langkah yang munasabah untuk mencegah lepasan tembakan itu.

Seksyen 3A ini jelas menyatakan bahawa seseorang yang disabitkan bersalah dengan kesalahan bersubahat melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api juga akan dikenakan hukuman mati secara mandatori walaupun perbuatan jenayahnya itu tidak mendatangkan kecederaan atau kematian orang lain.

Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam akta-akta di atas merupakan antara kesalahan yang dianggap berat. Walau bagaimanapun, status hukuman mati mandatori ini mungkin berubah suatu ketika nanti kepada hukuman mati menurut kuasa budi bicara. Beberapa usaha ke arah pindaan tersebut telah dilakukan. Pada 18 Julai 2019, Datuk Liew Vui Keong menyatakan bahawa pembentangan pindaan undang-undang bagi meminda hukuman mati mandatori akan dibentangkan semasa persidangan Parlimen pada bulan Oktober 2019 selepas kerajaan memutuskan tempoh hukuman penjara yang setimpal sebagai alternatif kepada hukuman maksimum itu (Anon 2019). Kemudian pada awal tahun 2020, sebuah Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tan Sri Richard Malanjum untuk mengkaji semula hukuman alternatif bagi hukuman mati mandatori ini ditubuhkan. Hasil kajian tersebut dikemukakan kepada Jemaah Kabinet untuk perbincangan sebelum membawa hal tersebut ke Parlimen (Jia Vern Tham & Nelleita Omar 2021).

#### 6. Hukuman Mati Menurut Kuasa Budi Bicara

Hukuman mati berdasarkan kepada kuasa budi bicara boleh ditakrifkan sebagai hukuman lain yang berbentuk sebagai gantian terhadap hukuman asal iaitu hukuman mati yang telah disabitkan ke atas tertuduh dengan mengambil kira keadaan peribadi serta sebab-sebab munasabah yang dikira wajar (Ramalinggam Rajamanickam et.al 2012). Justeru para hakim memainkan peranan yang amat penting dengan menggunakan kebijaksanaan dan meneliti hukuman mana yang lebih sesuai sebelum diputuskan oleh mahkamah. Selain itu, keputusan yang dibuat itu perlulah selari dan bertepatan dengan peruntukan undang-undang yang terpakai dalam kesalahan tersebut. Kategori kesalahan dan statut yang melibatkan hukuman mati menurut kuasa budi bicara kemungkinan bertambah dengan usul dan cadangan yang dikemukakan oleh Kabinet bermula tahun 2019.

Seksyen 3(1) Akta Penculikan 1961 dan Seksyen 121 Kanun Keseksaan merupakan antara peruntukan undang-undang dan statut berkaitan kesalahan yang boleh disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati menurut budi bicara di bawah bidangkuasa keadilan jenayah di Malaysia.

#### 7. Seksyen 3(1) Akta Penculikan 1961

Seksyen ini memperuntukkan bahawa mana-mana pesalah yang disabitkan dengan kesalahan penculikan, penahanan atau pengurungan secara salah untuk

mendapatkan tebusan, maka pesalah tersebut akan dikenakan hukuman ini jika sabit kesalahan (Akta Penculikan 1961). Peruntukan ini dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dan boleh dikenakan sebat, jika sabit kesalahan.

#### 8. Seksyen 121 Kanun Keseksaan

Seksyen 121 telah memperuntukkan:

Barang siapa berperang atau mencuba berperang atau menyubahati perang melawan Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja atau Yang di-Pertua Negeri, hendaklah diseksa dengan bunuh atau penjara seumur hidup jika tidak diseksa dengan bunuh dan bolehlah juga dikenakan denda.

Tertuduh yang berjaya disabitkan di bawah peruntukan ini, boleh dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup beserta denda. Hakim mempunyai pilihan dan kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari hukuman mati. Beliau hendaklah memutuskan kes yang dibawa kehadapannya berdasarkan fakta-fakta kes dan keterangan-keterangan yang kukuh secara bijaksana dan adil.

#### PELAKSANAAN HUKUMAN MATI DI MALAYSIA MENURUT HUKUM ISLAM

Umumnya, kategori jenayah yang dikenakan hukuman mati ini sama ada menurut perundangan jenayah Islam mahupun perundangan jenayah di Malaysia adalah melibatkan jenayah-jenayah yang dianggap berat dan ekstrim serta memberi kesan yang buruk kepada masyarakat serta kedaulatan negara. Kategori jenayah yang dibahaskan adalah berkaitan dengan jenis-jenis kesalahan yang dikenakan hukuman mati di antara kedua-dua jenis perundangan iaitu menurut undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia.

Berdasarkan kepada kategori jenayah yang dikenakan hukuman mati, beberapa kategori kesalahan di bawah bidangkuasa perundangan jenayah di Malaysia menyamai kategori jenayah yang dikenakan hukuman mati menurut undang-undang Islam. Antaranya ialah kesalahan *qisās* iaitu membunuh dengan sengaja, *hirābah* ataupun dikenali sebagai rompakan bersenjata dan jenayah *bughah* iaitu pemberontakan bersenjata. Perundangan di Malaysia mengenakan hukuman mati bagi kesalahan membunuh dengan sengaja berdasarkan kepada Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan begitu juga undang-undang jenayah Islam menetapkan dengan jelas dalam al-Quran berkaitan jenayah *qisās* yang melibatkan hukuman mati bagi kesalahan membunuh dengan sengaja atau *qatl bi al ‘amd*. Hal ini menunjukkan berlaku persamaan terhadap hukuman bagi kesalahan membunuh yang diperuntukkan dalam perundangan jenayah Islam melalui hukuman *qisās* iaitu pesalah yang disabit bersalah perlu dihukum dengan hukuman ‘bunuh balas’ (Al Zuhaylī 1997). Namun, hukuman mati ini bukanlah suatu yang

muktamad dalam kes membunuh dengan sengaja menurut Islam. Ini disebabkan hak kemaafan terhadap pelaku jenayah membunuh dengan sengaja ini diberi kepada waris mangsa yang berhak melaksanakan *qisās*. Oleh itu, jika waris terbabit memaafkan pelaku maka tiada hukuman mati dilaksanakan tetapi pelaku hendaklah membayar diyah dan juga dikenakan beberapa hukuman lain antaranya *kaffarah* menurut pandangan mazhab al Shafi‘ī dan mazhab Hanbali. Sementara dalam kategori jenayah membunuh menyerupai sengaja (*qatl shibh al ‘amad*) dan membunuh secara tidak sengaja (*qatl al khata’*), pelaku jenayah tidak dikenakan hukuman mati dan hanya dikenakan diyah disebabkan ketiadaan niat untuk membunuh.

Kesalahan keduanya ialah jenayah *hirābah* atau rompakan yang dibahagikan kepada empat keadaan dan hukumannya adalah berbeza menurut undang-undang jenayah Islam. Jenayah *hirābah* dikenakan hukuman mati apabila berlaku kematian mangsa dengan sengaja atau pembunuhan ketika rompakan tersebut. Perundangan jenayah Islam telah menetapkan hukuman bunuh dan salib bagi kesalahan *hirābah* ini. Allah berfirman dalam ayat 33 dari surah al Mā’idah:

إِئْتِمِدْ جِزَاءَ الَّذِينَ يُجَادِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ  
فِيَسَادُوا أَنْ يَقْتُلُوا أَوْ يَمْلِكُوا أَوْ يَقَطُّعُوا أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلِهِمْ  
مِنْهُ خِلَافٌ وَلَوْ يَنْفِقُوا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي  
الدُّنْيَا ۗ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan membuat kerosakan di muka bumi, hanya mereka dibunuh atau disalib atau dipotong tangan dan kaki mereka bertimbal balik atau dibuang negeri. Yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka di dunia dan di akhirat mereka mendapat seksaan yang pedih.

Hukuman mati yang dilaksanakan ke atas tertuduh yang disabitkan dengan jenayah *hirābah* yang meragut nyawa mangsa ini, menurut pandangan *jumhūr* adalah suatu yang mandatori (Al-Zuhaylī 1997). Sementara mazhab Mālikī berpandangan pemerintah atau kerajaan diberi pilihan untuk melaksanakan hukuman ke atas tertuduh jenayah *hirābah* mengikut keperluan, kesesuaian dan kemaslahatan semasa. Justeru itu, penguatkuasaan hukuman mati ini tidak disyaratkan berlaku kehilangan nyawa mangsa semasa rompakan berlaku dan memadai dengan rompakan itu bersenjata (Asma Jahangir 1990). Ini menunjukkan peruntukan undang-undang di Malaysia yang menetapkan bahawa sesiapa yang telah melakukan kesalahan rompakan bersenjata akan dikenakan hukuman mati adalah selari dengan pandangan mazhab Maliki. Namun begitu, perundangan di Malaysia mengkhususkan bahawa senjata yang disabitkan dengan kesalahan ini ialah senjata api dan juga bahan letupan berdasarkan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri 1957 Seksyen 57(1) dan juga Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971

Akta 37 (Ramalinggam Rajamanickam et.al 2012). Berdasarkan kedua-dua akta ini, sesiapa yang didapati bersalah melakukan kesalahan berkaitan dengan senjata api, amunisi, bahan letupan dan juga melepaskan tembakan walaupun hanya bersubahat dan perbuatannya tidak mendatangkan kecederaan atau kematian orang ramai, hukuman mati tetap akan dikenakan.

Ketiga ialah bagi kesalahan jenayah *bughah* ataupun dikenali sebagai pemberontakan bersenjata. Menurut perundangan jenayah Islam, hukuman mati akan dikenakan kepada pesalah yang didapati bersalah melakukan pemberontakan atau menderhaka secara bersenjata kepada pemerintah yang adil dalam menjalankan syariat Islam (Al-Zuhaylī 1997). Kategori kesalahan ini dikira selari dengan peruntukan Seksyen 121 Kanun Keseksaan. Berdasarkan kepada peruntukan perundangan ini, pesalah yang disabitkan dengan kesalahan berperang, cuba berperang atau bersubahat untuk berperang menentang Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertuan Negeri boleh dikenakan hukuman mati secara budi bicara.

Namun begitu, terdapat beberapa kategori kesalahan jenayah Islam yang dikenakan hukuman mati setelah berjaya disabitkan tetapi sebaliknya tidak di bawah bidangkuasa perundangan jenayah di Malaysia. Contohnya, jenayah zina *muhsān* dan jenayah murtad. Bagi jenayah zina *muhsān*, perundangan jenayah Islam menetapkan bahawa pesalah akan dikenakan hukuman rejam sampai mati dengan tujuan untuk menjaga nasab keturunan. Perundangan di Malaysia tidak akan mengenakan hukuman mati bagi kesalahan ini. Sebaliknya, pesalah yang disabitkan dengan kesalahan ini hanya akan dikenakan penjara dan denda berdasarkan kepada Seksyen 155 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 1965 dan juga Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri. Manakala bagi kesalahan murtad, hukuman yang akan dikenakan bagi pesalah murtad menurut Seksyen 13 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 hanyalah hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Hal ini sememangnya berbeza dengan syariat yang diturunkan oleh Allah yang memperuntukkan bahawa hukuman bagi kesalahan murtad adalah hukuman mati kerana ia berkaitan dengan akidah dan bertujuan untuk mengelakkan pesalah daripada mempengaruhi seseorang yang lain untuk keluar dari Agama Islam (Al Zuhaylī 1997). Oleh yang demikian, hal ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan hukuman mati di Malaysia secara asasnya tidak menepati kategori jenayah yang sepatutnya dihukum mati oleh syarak secara keseluruhannya dan hanya sebahagian kategori kesalahan yang bertepatan dengan kehendak syarak.

Pada masa yang sama, terdapat beberapa kategori kesalahan yang dikenakan hukuman mati di Malaysia dan dikategorikan sebagai kesalahan *ta'zīr* di bawah perundangan jenayah Islam. Dengan kata lain,

kesalahan beserta dengan hukumannya telah ditetapkan oleh kerajaan yang memerintah dan tidak ada pensyariatian secara *qat'ī* dalam al-Quran dan *sunnah* berkaitan jenayah terbabit atau tersenarai sebagai salah satu kesalahan di bawah hudud mahupun *qisās*. Contohnya, bagi pesalah yang terlibat dalam jenayah penculikan berdasarkan kepada Seksyen 3(1) Akta Penculikan 1961. Kesalahan ini sememangnya tidak tersenarai di dalam kategori kesalahan yang dikenakan hukuman mati melalui peruntukan hudud dan *qisās*. Oleh sebab itu, peruntukan-peruntukan ini boleh dikategorikan kepada bentuk hukuman *ta'zīr* yang digubal atas dasar yang ditetapkan oleh pemerintah dan juga keperluan semasa dalam memastikan keamanan serta keselamatan masyarakat dan kedaulatan negara terjamin. Dengan kata lain, pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman mati ini berteraskan konsep *al-Siyāsah al-Shar'īyah* menurut Islam.

Sedemikian juga pengedaran dadah yang merupakan kategori jenayah yang boleh dihukum mati di bawah bidangkuasa perundangan jenayah di Malaysia dan dikategorikan sebagai jenayah *ta'zīr* menurut perundangan jenayah Islam. Ketetapan hukuman dalam kesalahan ini hakikatnya antara punca utama isu penghapusan hukuman mati dibangkitkan. Kajian Azman Mohd Noor dan Mohd Al-Ikhsan bin Ghazali (2010) menukilkan pandangan beberapa cendekiawan Islam seperti Professor Dr. Abdalla M.K. Al-Jubburi, Prof. Dr. Mohammad Hashim Kamali dan Prof. Dr. Syed Misbahul Hassan yang bersetuju meletakkan hukuman mati bagi kesalahan mengedar dadah di bawah kesalahan *ta'zīr*. Pendirian Imām Mālik dan sesetengah Hanābilah membenarkan hukuman mati sebagai salah satu daripada bentuk hukuman *ta'zīr* yang maksimum (Bahansī 1969), mendasari pendirian para cendekiawan ini. Mereka juga tidak bersetuju untuk menyamakan kedudukan kesalahan pengedaran dadah ini sebagai jenayah hudud. Tidak dinafikan terdapat perbincangan dalam kalangan cendekiawan Islam dalam isu ini dan malahan mereka menyatakan bahawa kesalahan ini merupakan sebahagian dari kategori hudud. Mereka mengaitkan kesalahan ini dengan jenayah *sharb al-khamr* dan *hirābah*. Penyamaan kesalahan pengedaran dadah ini dengan dua kategori hudud tersebut berlandaskan kepada kewujudan *'illah* yang sama dalam pensabitan jenayah dan kemudaratan, kemusnahan serta kerosakan kepada manusia. Namun, penulis berpandangan impak *ifsād fī al-'ard* ini bukan suatu justifikasi yang tepat untuk menyamakan kesalahan pengedaran dadah ini dengan dua kesalahan hudud tersebut. Setiap kesalahan jenayah apa jua jenis dan kategorinya tetap membawa kemudaratan kepada individu serta masyarakat atau menyebabkan *ifsād fī al-'ard*. Penulis juga berpandangan konsep jenayah pengedaran dadah itu sendiri tidak sama dengan konsep *hirābah* yang lebih terfokus kepada kewujudan elemen tindakan agresif, menakutkan mangsa, mencederakan atau



membunuh mangsa dan mengambil secara kekerasan harta mangsa.

Oleh itu, analisis dan perbincangan di atas menunjukkan kebanyakan kesalahan jenayah yang diperuntukkan dengan hukuman mati di Malaysia melibatkan kategori kesalahan *ta'zir* kecuali dalam jenayah membunuh dengan sengaja, merompak dan melibatkan kematian dengan sengaja dalam rompakan dan menderhaka serta memerangai pemerintah yang adil.

### 1. Kaedah Pelaksanaan Hukuman

Pelaksanaan hukuman mati ada pelbagai kaedah dan cara bergantung kepada perundangan negara atau pemerintahan yang terlibat. Pendekatan kaedah yang diguna pakai pada dekad ini tidak bertujuan untuk menyeksa atau membiarkan pesalah menderita kesakitan yang berpanjangan sebelum nyawa diambil. Amalan dan pelaksanaan hukuman mati hakikatnya telah banyak berubah jika dibandingkan dengan amalan zaman dahulu yang penuh dengan kekejaman dan kezaliman. Walaupun hukuman mati adalah bertujuan untuk mematikan pesalah jenayah setelah disabitkan dan pengambilan nyawa itu atas nama undang-undang yang dikuatkuasakan, namun norma kemanusiaan dan hak-hak pesalah itu masih perlu dijaga. Ahmad Fauzi (2004) juga menjelaskan bahawa perbezaan bentuk pelaksanaan hukuman mati dipengaruhi oleh perkembangan sains serta perubahan nilai kemanusiaan berpandukan kepada sesuatu tamadun. Ramalinggam Rajamanickam et.al (2012) menegaskan, kaedah-kaedah hukuman yang mengambil masa yang lama untuk mematikan seseorang seperti pendarahan dan sebagainya tidak akan digunakan dalam pelaksanaan hukuman mati ini. Ini kerana, hukuman mati adalah berkonsepkan kepada hukuman untuk menamatkan nyawa seseorang dan bukannya dengan tujuan penyeksaan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan masih ada negara yang masih mengetepikan unsur kemanusiaan ini. Contohnya, mereka masih menggunakan kaedah suntikan dan kerusi elektrik.

Malaysia merupakan sebuah negara yang menggunakan kaedah tunggal dalam pelaksanaan hukuman mati terhadap pesalah yang disabitkan dengan kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati berdasarkan kepada peruntukan undang-undang. Hukuman gantung sampai mati satu-satunya kaedah yang digunakan sejak Malaysia merdeka berdasarkan peruntukan Seksyen 277 Kanun Prosedur Jenayah.

Pelaksanaan hukuman mati melalui kaedah gantung sampai mati di Malaysia menurut Hamidi Abdul Ghani (1998) tidak menepati kehendak syarak dari sudut pelaksanaan hukuman dan dikatakan tidak menepati kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan dalam al Quran dan *sunnah* Rasulullah yang mendasari perundangan jenayah Islam. Jelasnya, memang terdapat perbezaan antara dua bidangkuasa perundangan ini. Kaedah pelaksanaan hukuman mati dalam perundangan jenayah Islam tidak berbentuk

tunggal dan melibatkan beberapa kaedah. Antaranya ialah pancung, rejam dan salib sampai mati. Cara pelaksanaan pula adalah berdasarkan kepada kategori atau kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh pesalah (Hamidi Abdul Ghani 1998). Pelaksanaan kaedah hukuman pancung dan rejam disebut dalam *sunnah* Rasulullah dan *sunnah shahābāt* tetapi tidak di dalam al Quran. Contohnya, riwayat dari Abū Burdah bahawa Mu'az bin Jabal datang menemui Abū Mūsā al-Ash'arī di Yaman, didapati ada seorang lelaki di sebelahnya. Mu'az bertanya: Apa ini? Abū Mūsā menjawab: (Dia) seorang Yahudi memeluk Islam kemudiannya dia kembali menjadi Yahudi, dan kami menghendaki dia kembali kepada Islam. Kata Mu'az: Demi Allah aku tidak akan duduk sebelum, kamu penggal lehernya, lalu orang itu pun dipenggal lehernya (Al-Bukhārī, *kitāb istitābah al-murtaddīn wa al-mu'aniḍīn wa qitālihim, bāb ḥukm al-murtad wa al-murtaddah wa istitābatihim* 1981). Ibn Abbas berkata: Sabda Rasulullah S.A.W.: Sesiapa yang menukar agamanya hendaklah kamu membunuhnya (Al-Bukhārī, *kitāb istitābah al-murtaddīn wa al-mu'aniḍīn wa qitālihim, bāb ḥukm al-murtad wa al-murtaddah wa istitābatihim* 1981)

Begitu juga riwayat dari Ibn Mas'ud R.A, bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda: Tidak halal darah seorang muslim yang bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah dan aku adalah Rasulullah kecuali dalam salah satu dari tiga perkara: membunuh jiwa dengan jiwa, orang yang telah berkahwin yang berzina dan orang yang meninggalkan agama dan jemaahnya (Al-Bukhārī, *kitāb al-ḍiyāt, bāb qawl Allah Ta'alā*). Sementara riwayat dari Abī Hurairah R.A.: Māiz al-Aslāmī datang menemui Rasulullah S.A.W. ketika baginda sedang berada dalam masjid. Dia memanggil Nabi lalu berkata: Ya Rasulullah, saya telah berzina. Rasulullah tidak memandangnya, memalingkan diri daripadanya. Orang itu mengulangi kata-kata itu sehingga empat kali. Maka setelah dia mengaku sebanyak empat kali, Nabi memanggilnya dan berkata: Adakah awak gila? Dia menjawab: Tidak. Rasulullah bertanya: Adakah engkau *muḥṣan*? Dia menjawab: Ya. Maka Rasulullah bersabda: Bawalah dia dan rejamkanlah dia (Al-Bukhari, *kitāb al-muḥaribīn min ahl al-kafarah wa riddah, bāb la yurjam al-majnūn wa al-majnūnah*).

Sebaliknya hukuman salib dinyatakan dalam Surah al Māidah ayat 33 berkaitan dengan jenayah rompakan (*hirābah*):

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ .

Maksudnya: Sesungguhnya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasulnya dan berbuat kerosakan di atas muka bumi ini adalah agar mereka dibunuh atau disalib atau dipotong tangan dan kaki mereka secara bersilang atau dibuang negeri.

Walaupun hukuman salib dinyatakan dalam al-Quran namun terdapat perbincangan dalam kalangan

para fuqaha untuk menentukan sama ada tindakan menyalib yang membawa kematian ataupun pesalah dihukum mati terlebih dahulu dan kemudiannya disalib. Ayat di atas adalah dalam bentuk yang umum dan memberi ruangan kepada intepretasi yang luas kepada para fuqaha.

Undang-undang Islam sememangnya tidak menetapkan kaedah pelaksanaan hukuman mati dan pengenalpastian kaedah yang lazim dilaksanakan hanyalah melalui *sunnah* Rasulullah dan *sunnah sahābāt*. Persoalannya sekarang, adakah hukuman mati dengan kaedah menggantung leher pesalah hingga mati sememangnya tidak patuh syariah secara muktamad? Adakah disebabkan tiada pensyariatannya dalam al-Quran dan *sunnah* Rasulullah mahupun *sunnah sahābāt* maka kaedah ini dianggap bersalahan dengan hukum? Sejarah perundangan Islam membuktikan kaedah pancung atau penggal kepala pesalah dengan pedang merupakan cara atau kaedah pelaksanaan hukuman mati sehinggalah ke zaman Umaiyyah. Istilah 'hukuman mati' (*al-īdām*) di awal pemerintahan Islam belum wujud dan hanya istilah *qisās*, *hirābah* dan *bughah* dikaitkan dengan hukuman pancung ini atau yang menggunakan pedang dalam pelaksanaan hukuman. Kaedah ini dipersetujui oleh golongan Hanafiyyah dan sebahagian dari Hanābalah. Sementara golongan Shafi'iyah, Mālikiyyah, sebahagian Hanābalah lagi dan Zāhiriyyah, berpandangan hukuman mati dalam kes *qisās* dilaksanakan sama sebagaimana si pesalah lakukan kepada mangsa kecuali jika perbuatan itu mendatangkan penyiksaan dan kekejaman melebihi dari sepatutnya kepada si pelaku jika dilaksanakan. Hanya *zinā muhsān* sahaja hukuman yang melibatkan cara merejam sampai mati. Hukuman mati dengan menggantung leher pesalah hingga mati mula dilaksanakan pada zaman 'Abāsiyyah. Selain itu, Sheikh Muhammad Husein dalam artikelnya yang sama, telah menukilkan pernyataan seorang cendekiawan undang-undang jenayah di Mesir, Dr. Emād al-Feki, bahawa hakikatnya negara Islam Arab mengetahui kaedah menggantung hukuman mati dari negara-negara bukan Arab dan dimulai dengan pemerintahan 'Abbāsiyyah. Menggantung menurut beliau, adalah cara menghukum pesalah, bukan hanya melibatkan hukuman mati (2017).

Pandangan dari golongan yang kedua di atas, jika dianalisis hakikatnya membuka ruangan kepada pelaksanaan hukuman gantung sampai mati dan juga kaedah-kaedah hukuman yang lain. Ketetapan kaedah hukuman dalam situasi tersebut adalah di bawah tanggungjawab pemerintah untuk menentukannya dan bukannya individu mangsa atau warisnya. Sememangnya penggunaan pedang dalam pelaksanaan hukuman mati pesalah dianggap paling cepat dan mudah untuk mengakhiri nyawanya. Malah kaedah ini yang paling tidak mendatangkan kemudaratan dan penyiksaan terhadap pesalah. 'illah ini menjadi sandaran pendirian mazhab Hanafi untuk membataskan penggunaan pedang dalam pelaksanaan hukuman mati (Al-Jaššās 1994). Oleh yang demikian,

berdasarkan 'illah yang sama, bentuk pelaksanaan hukuman mati selain dari menggunakan pedang diharuskan.

Sheikh Mahmud Shaltūt menulis bahawa Islam tidak menetapkan alat atau kaedah tertentu dalam pelaksanaan hukuman *qisās* tetapi menuntut hukuman mati dilaksanakan dengan berperni kemanusiaan atau *ihsān al-qatlah*. Hukuman mati yang dilaksanakan hendaklah tidak menyebabkan yang dihukum merasa tersiksa. Justeru itu, apa jua kaedah pelaksanaan hukuman dibenarkan selagi *ihsān al-qatlah* diberi keutamaan (1960). Terdapat dua syarat untuk memenuhi *ihsān al-qatlah* dikemukakan oleh para fuqaha. Pertamanya, hendaklah dipastikan kaedah yang digunakan mampu untuk menamatkan hayat atau nyawa yang dihukum dengan cepat dan tanpa kelengahan untuk menghindari azab dan siksa. Keduanya, kaedah yang digunakan juga tidak boleh mencacatkan tubuh manusia atau seumpamanya untuk menjaga kehormatan jasad manusia yang telah dimuliakan oleh Allah S.W.T. (Al-Zuhaily t.th.). Pelaksanaan hukuman mati dengan cara atau kaedah selain dari pancung atau penggal kepala dengan pedang dibenarkan dengan pematuhan kepada syarat atau kawalan yang ditetapkan tersebut. Tidak dinafikan prinsip asas dalam memilih pedang sebagai alat pembalasan atau penghukuman adalah disebabkan kaedah ini paling cepat untuk mengakhiri hayat seseorang. Namun, jika ada kaedah yang menyamai atau lebih cepat kesan atau impaknya membawa kematian selain dari penggunaan pedang maka kaedah terbabit tidak bersalahan dengan hukum syarak ('Audah 1989). Hamzah 'Abdel Karīm Hammād (2018) dalam artikelnya menyatakan perkara ini juga telah mendapat pengiktirafan dari Jawatankuasa Majlis Fatwa Universiti al-Azhār al-Sharīf pada tahun 1937 lagi. Justeru itu, bersandarkan kepada analisis pandangan fuqaha dan ulama di atas, kaedah pelaksanaan hukuman gantung sampai mati yang dikuatkuasakan di bawah bidangkuasa kehakiman dan keadilan jenayah di Malaysia adalah tidak bersalahan dengan hukum syarak.

## 2. Hak Terhadap Mangsa dan Ahli Waris

Pesalah yang dijatuhi hukuman mati mempunyai hak untuk membuat rayuan untuk dikurangkan hukuman atau diketepikan hukuman mati. Pengguguran hukuman mati ini hanya berlaku apabila pesalah mendapat pengampunan dari golongan pemerintah yang terdiri daripada Yang di Pertuan Agong, Yang di Pertua Negeri serta raja-raja di setiap negeri. Rayuan untuk pengampunan ini merupakan peluang terakhir bagi seorang pesalah yang telah dihukum dengan hukuman mati. Berdasarkan kepada prosedur pelaksanaan hukuman mati di Malaysia, setelah selesai perbicaraan di kesemua peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dan pesalah sememangnya disabitkan dengan hukuman mati, pesalah tersebut boleh mengemukakan rayuan untuk mengurangkan hukuman berdasarkan kepada budi bicara Yang di

Pertuan Agong, Yang di Pertua Negeri serta raja-raja di setiap negeri. Ini adalah berdasarkan kepada peruntukan Perkara 42 (1), Perlembagaan Persekutuan (Ahmad Fauzi 2004).

Hal ini sememangnya bertentangan dengan perundangan jenayah Islam yang memperuntukkan bahawa pihak mangsa dan juga ahli warislah sepatutnya berhak memiliki hak-hak tersebut. Sekiranya ahli waris atau keluarga memberikan kemaafan kepada pesalah dan bersetuju untuk mengurangkan kadar hukuman, maka barulah hukuman tersebut dapat diringankan. Namun jika sebaliknya, hukuman tersebut akan diteruskan sebagaimana yang sepatutnya. Oleh yang demikian, jelas bahawa budi bicara pemerintah tidak akan diambil kira dalam perundangan jenayah Islam mengenai konsep pengampunan sebaliknya ahli waris atau keluarga mangsa yang tertindas akan diberikan hak tersebut dengan bertujuan untuk memastikan keadilan sentiasa tertegak.

Pemerintah hanya diberi kuasa samada untuk mengampunkan pesalah atau tidak apabila mangsa tidak mempunyai waris langsung. Tidak dinafikan pengampunan tidak boleh menjadi satu alternatif yang sah dalam hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah dalam penjagaan serta pemeliharaan jiwa kecuali setelah mereka memenuhi syarat yang ditetapkan. Dengan kata lain, hak pengampunan hendaklah menepati syarat dan kawalan yang ditetapkan secara sah bagi mencapai tujuan yang signifikan tanpa mengetepikan *maqāsid* perundangan untuk melindungi dan menyelamatkan jiwa serta tidak mensia-siakan kesan yang terhasil jika dilaksanakan hukuman mati tersebut. Namun, jika syarat-syarat tersebut dilanggar dan tidak dipatuhi maka hak pengampunan tersebut boleh diketepikan dan hak penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) dikembalikan. Kewujudan syarat ini merupakan kawalan yang tepat dan berkesan untuk memastikan hak mangsa, waris mangsa dan juga pesalah dijamin dan tidak dicabul dengan mudah (Anas Muhammad °Awad Al-Khalayleh dan °Abdullah °Abdul Qader Qwaider 2018). Kedudukan hak hamba yang lebih dominan dalam kes *qisās* adalah antara sebab hak *shafāh* waris mangsa diberi oleh Islam. Hak waris mangsa atau *wālī al-dām* untuk menghukum pesalah diketepikan tatkala mereka memberi pengampunan kepadanya. Justeru itu, hak ini hanya menjadi milik keluarganya atau warisnya sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang dan bukannya selain dari mereka. Maka dengan itu, sememangnya konsep pengampunan daripada pemerintah ini dilihat mencabuli hak keluarga mangsa bagi kesalahan ini.

Selain itu, kaedah pampasan atau diyat juga perlu diambil kira dalam pelaksanaan sistem pengampunan dengan merujuk kepada keluarga mangsa sebagai alternatif kepada banduan membuat pelepasan dari hukuman khususnya bagi hukuman mati secara budi bicara. Dengan erti kata lain, hak diyat tersebut perlulah dikembalikan kepada keluarga mangsa yang tertindas. Justeru, melalui pelaksanaan ini secara tidak

langsung akan mengambil kira maslahat keluarga si mati dan memberi peluang kedua bagi pihak pembunuh (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2019). Menurut Syed Ahmad Alsagoff (2006), sebenarnya konsep pampasan kepada mangsa ini sudah ada asasnya di dalam undang-undang jenayah di negara kita, di bawah Seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah yang memperuntukkan kuasa kepada pihak mahkamah, atas permohonan Pendakwa Raya, untuk mengarahkan pesalah membayar pampasan kepada mangsa akibat jenayah yang berlaku pada diri mangsa, harta atau pendapatannya. Namun, peruntukan ini masih perlu ditambah baik dari sudut nilai pampasan supaya selaras dengan pampasan menurut konsep diyat dan dilaksanakan secara menyeluruh. Secara kesimpulannya, melalui aspek hak yang sepatutnya diberikan kepada mangsa atau ahli waris, sememangnya konsep yang diamalkan dalam perundangan jenayah di Malaysia tidak bertepatan dengan konsep yang diamalkan dalam undang-undang jenayah Islam yang lebih mementingkan hak terhadap mangsa dan juga ahli waris. Sehubungan dengan itu, jelas menunjukkan bahawa pensyariatan yang diturunkan oleh Allah SWT sememangnya memberikan keadilan dan hak yang sepatutnya dimiliki oleh pihak yang tertindas. Berbeza dengan pelaksanaan di Malaysia iaitu hak yang sepatutnya diberikan kepada pihak yang dizalimi sebaliknya diberikan kepada pemerintah.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penulis mendapati bahawa terdapat beberapa kepincangan terhadap pelaksanaan hukuman mati di Malaysia dari aspek tertentu seperti hak mangsa dan keluarga mangsa serta kategori-kategori kesalahan yang sepatutnya dihukum dengan hukuman mati. Melalui perbandingan yang telah dibuat, jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan hukuman mati berdasarkan kepada pensyariatan yang telah diturunkan oleh Allah SWT khususnya melalui hudud, *qisās* dan *ta'zīr* adalah lebih bersifat adil dan memberikan jaminan yang sewajarnya khususnya melibatkan hak-hak mangsa. Dari sudut kategori kesalahan pula, didapati bahawa perundangan jenayah Islam lebih tegas dalam usaha dalam memastikan ketertinggalan Islam dan juga maruah masyarakat agar lebih terbela melalui pelaksanaan hukuman mati terhadap kesalahan zina muhsan dan murtad. Selain itu, dapat juga dilihat bahawa pelaksanaan hukuman mati ini sememangnya menepati ciri-ciri norma kemanusiaan serta tidak meninggalkan mana-mana prinsip hak asasi jika dilihat dari sudut syarak. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga membuktikan bahawa dakwaan yang dikemukakan oleh golongan yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati atas alasan pelanggaran dan pencabulan prinsip hak asasi ini, dilihat hanya memberi kebaikan kepada minoriti komuniti sahaja dan tidak memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

Di Malaysia, pelaksanaan hukuman mati ini juga mendapat reaksi negatif daripada sesetengah pihak berdasarkan kepada hujah-hujah mereka yang tersendiri. Antara hujah golongan-golongan yang menentang pelaksanaan hukuman mati daripada terus dilaksanakan sudah pastinya hukuman mati ini mempunyai unsur ketidakadilan dan bertentangan dengan prinsip-prinsip kemanusiaan. Umumnya, syarak telah memperuntukkan bahawa konsep pelaksanaan hukuman mati adalah berdasarkan kepada kaedah-kaedah pelaksanaan serta kategori-kategori kesalahan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT melalui wahyu yang diturunkan. Peruntukan hukuman mati yang telah diturunkan oleh Allah SWT ini adalah melalui pensyariatan hukuman hudud, qisas dan juga *ta'zir* bagi kesalahan-kesalahan tertentu yang dianggap berat dan kejam (Hamidi Abdul Ghani 1998). Melalui pensyariatan ini, ia sekaligus menunjukkan bahawa syarak sememangnya membenarkan pelaksanaan hukuman mati walaupun pelaksanaan hukuman ini akan mengakibatkan seseorang itu akan kehilangan nyawa agar dasar-dasar keadilan dapat direalisasikan serta memberi kebaikan kepada semua pihak.

Analisis yang dibuat menunjukkan Kerajaan Malaysia lebih mengarah kepada meminda hukuman mati mandatori kepada hukuman mati menurut kuasa budi bicara hakim dengan beberapa ketetapan dan garis panduan. Pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman mati mandatori terhadap beberapa kategori kesalahan di bawah perundangan jenayah di Malaysia terutamanya tidak berbaloi untuk dikenakan dengan situasi kesalahan yang dilakukan namun mahkamah tiada pilihan lain selain daripada tetap menjatuhkan hukuman mati di bawah kategori ini. Aspek kemanusiaan dan ihsan sewajarnya menjadi pertimbangan mahkamah. Malahan keadilan yang menjadi prinsip utama yang mewarnai mana-mana bidangkuasa kehakiman jenayah melandasi setiap keputusan yang dibuat. Justeru itu, kriteria untuk menentukan samada pesalah terbabit wajar atau tidak dikenakan hukuman mati perlu ditetapkan dan diputuskan oleh pihak kehakiman dan pihak kerajaan melalui perbincangan bersama. Kriteria ini perlu jelas bagi memastikan tiada isu pilih kasih atau ketidakadilan yang bakal menjadi isu kelak.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Abdul al-Āal, Muhammad. 1989. *Uqūbatu al-ʿdām Dirāsatum Muqāranatun fi al-Qānūnī al-Wadhʿī wa al-Sharʿati al-Islāmiyyati*. al-Qāhirah: Dār al-Nahdhah al-ʿArabiyyah.

Akta Dadah Berbahaya 1952 (Malaysia)

Akta Penculikan 1961 (Malaysia) (Akta 365)

Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (Malaysia) (Akta 37)

Anon. 2014. Mansuh hukuman mati. *Utusan Melayu*, 4 November. [https://www.suhakam.org.my/wp-](https://www.suhakam.org.my/wp-content/uploads/2014/01/5-Mansuh-hukumanmati_UtusanMalaysia_4Nov2012.pdf)

[content/uploads/2014/01/5-Mansuh-hukumanmati\\_UtusanMalaysia\\_4Nov2012.pdf](https://www.suhakam.org.my/wp-content/uploads/2014/01/5-Mansuh-hukumanmati_UtusanMalaysia_4Nov2012.pdf) [10 Disember 2020].

Anon. 2018. Suhakam sokong mansuh hukuman mati. *Malaysiakini*, 12 November. <https://www.malaysiakini.com/news/451538>.

Anon. 2019. Mansuh hukuman mati mandatori, hakim punya budi bicara lebih luas. *BERNAMA*. 18 Julai. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/586334/mansuh-hukuman-mati-mandatori-hakim-punya-budi-bicara-lebih-luas>. [21 Disember 2019]

Anon. 2019. Mansuh hukuman mati: hakim diberi budi bicara meluas. *Harian Metro*, 18 Julai. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/476639/mansuhhukumanmati-hakimdibe-ri-budi-bicara-meluas> [21 Disember 2020].

Anon, 2019. Mansuh hukuman mati: hakim diberi budi bicara meluas. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/586334/mansuh-hukuman-mati-mandatori-hakim-punya-budi-bicara-lebih-luas>. [11 Februari 2022]

Anon. 2019. Fatally Flawed: Why Malaysia Must Abolish The Death Penalty. *Amnesty International*. London: United Kingdom.

Anon. 2020. Kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori dibentang suku pertama 2020. *Astro Awani*, 16 Januari. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-hukuman-gantian-terhadap-hukuman-mati-mandatori-dibentang-suku-pertama-2020-228159>.

ʿAudah, ʿAbdul Qadir. 1989. *Al Tashrīʿ al Jināʿī al Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Wadhʿī*. Beirut: Muassasat Al Risālah.

Azmadi Samsuddin. 2019. *Hukuman mati di Malaysia*. The Centre, Research and advocacy of progressive and pragmatic policy ideas: Malaysia. <https://www.centre.my/post/hukuman-mati-di-malaysia>. [11 Februari 2022]

Azman Mohd Noor & Mohd Al-Ikhsan bin Ghazali. 2010. Penyalahgunaan dadah dan kewajaran hukuman mati ke atas pengedar dadah di Malaysia: satu analisis. *Jurnal Fiqh*, No. 7. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Al-Bahansī, Ahmad Fathū. 1969. *Al-Masʿūliyyah al-Jinaʿiyyah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Muʿassasah Halabi.

Al-Bukhārī. 1981. *Sahīh al-Bukhārī*. Juz 8. ttp: Dār al-Fikr.

Al-Feki, Emād Ibrāhīm. 2018. *Uqūbatu al-ʿdām fī al-Tashrīʿ al-Miṣr taʿṣīlan wa tahlīlan*. Al-Manzāmatu al-ʿArabiyyatu Li Huqūqi al-Insāni. <https://www.aohr.net/portal/wp-content/uploads/2012/06/%D9%83%D8%AA%D8%A7%D8%A8%D8%A7%D9%84%D8%B>

- 9%D9%82%D9%88%D8%A8%D8%A9%D8%A8%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%B9%D8%AF%D8%A7%D9%85.pdf
- Haeme Hashim. 2019. Perihal hukuman mati. Kumpulan Karangkrif. <https://www.sinarharian.com.my/article/18729/KOLUMNIS/Perihal-hukuman-mati>. [14 september 2021].
- Hammād, Hamzah °Abdel Karīm. 2018. *Hukm tanfīz al-qisās wa al-īdām bi al-wasā'ili al-hadīthati fī al-fiqh al-islāmī*. <https://almoslim.net/elmy/289056>. [30 September 2021]
- Hamidi Abdul Ghani. 1998. Pelaksanaan Hukuman Mati, Penjara Dan Sebat Dalam Undang - Undang Jenayah. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim bin Mehat. 1987. Undang-Undang Jenayah Satu Penilaian Dalam Hukuman Utama. *Seminar Undang-undang dan Masyarakat*, UKM, Bangi, 5 September 1987. UKM: Bangi.
- Jahangir, Asma. 1990. *A Divine Sanction The Hudood Ordinances*. Lahore: Rhotas Books.
- Al-Jaššāš, Abū Bakr, Ahmad ibn °Alī. 1994. *Ahkām al-Qurān*. Beirut: Dār al-Kitāb al-°Alamiyyah.
- Jia Vern Tham & Nelleita Omar. 2021. *Bahagian 2: Sokongan terhadap hukuman mati di kalangan rakyat Malaysia – bila dan untuk Apa?*. The Centre, Research and advocacy of progressive and pragmatic policy ideas: Malaysia. <https://www.centre.my/post/bahagian-2-sokongan-terhadap-hukuman-mati-di-kalangan-rakyat-malaysia-bila-dan-untuk-apa>. [11 Februari 2022]
- Al-Khalayleh, Anas Muhammad °Awad & °Abdul Qader Qwaider, °Abdullah. 2018. *Al-°Afw wa atharuhu fī isqāṭi °uqūbati al-īdām*. <https://almoslim.net/elmy/286015>.
- Miszairi Sitoris. 2016. Abolishing death penalty: a preliminary survey of ground reality and islamic perspective. Dlm. Sayed Sikandar Shah Haneef, Najibah Mohd Zin & Mek Wok Mahmud (pnyt.). *Issues on Harmonization of Human Rights in Islam*, hlm. 178. Gombak, Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia.
- Nina Farzuin MD Sharom. 2018. Hukuman mati atas budi bicara perlu penjelasan khusus. 15 Mac 2018. <https://www.sinarharian.com.my/article/18147/BERITA/Nasional/Hukuman-mati-atas-budi-bicara-perlu-penjelasan-khusus>.
- Al-Qushairī, Muslim al-Hajjāj. 2009. *Al-Jami° al-°aḥīḥ-°aḥīḥ muslim*. Dār al-Mawaddah: Miṣr.
- Ramalinggam Rajamanickam & Thiyagu Ganesan. 2012. Pelaksanaan hukuman mati di malaysia: sejauh manakah kerelevanannya pada masa kini. *Proceedings of The 2nd International Conference On Arts, Social Sciences & Technology Penang, Malaysia*. International Conference on Arts, Social Sciences & Technology (ICAST 2012), Park Royal Hotel, Batu Feringgi, Penang.
- Syed Ahmad Alsagoff. 2006. *Al-Diyah As Compensation for Homicide and Wounding in Malaysia*. Kuala Lumpur: Research Centre, International Islamic University Malaysia.
- Al- Suyutī, Jalāl ad-Dīn. t.th. *Sunan al-Nasā'ī bi Sharh Jalāl al-Dīn al-Suyutī*. Juz.VII. Beirut: Dār al-Ma°ārif.
- Al-Zuhaily, Wahbah. 1991. *al-Tafsīr al-Munīr fī al-°Aqā'id wa al-Shari°ah wa al-Manhāj*. Jil.6. Damascus, Syria: Dār al-Fikr.

Wafaa' Yusof,  
[wafaa@ukm.edu.my](mailto:wafaa@ukm.edu.my)  
Pusat Kajian Syariah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
MALAYSIA

Muhammad Hariz Muqri Azmi,  
[harizmuqriazmi@gmail.com](mailto:harizmuqriazmi@gmail.com),  
Pelajar Siswazah,  
Pusat Kajian Syariah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Kepentingan Faktor <i>Fasād Al-Zamān</i> dalam Penetapan Hukum <i>Ijtihādī</i></b> <i>The Importance of Fasād Al-Zamān over The Determination of Ijtihādī Law</i> Muhammad Iqbal Roslee & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	1-13
<b>Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratan Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam</b> <i>Analysis of Harm Retrieval Methods in Islamic Financing Restructuring</i> Erfan Asmaie Khairul Anam, Abdul Basir Mohamad & Mohammad Zaini Yahaya	14-25
<b>Pembangunan Wakaf <i>Dhurri</i>: Penubuhan Syarikat Keluarga Ke Arah Kelestarian Sumber Ekonomi</b> <i>Development of Wakaf Dhurri: The Establishment of Family Companies Towards Sustainable Economic Resources</i> Jasni Sulong & Muhammad Syamir Izzuddin Zulkifli	26-34
<b>Islamic Law of Inheritance and Its Implication amongst Muslim Society: An Empirical Analysis</b> Iqbal Saujan, Seyed Mohamed Mohamed Mazahir & Nasrin Muhammadu Ibrahim	35-51
<b>Cadangan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Tahanan Individu Autisme untuk Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) di Malaysia</b> <i>Proposed Standard Operating Procedure (SOP) for Arrest and Detention of Autistic Individuals for Religious Enforcement Officers (PPA) in Malaysia</i> Zahidah Dahalan, Zuliza Mohd Kusrin, Wafaa' Yusof, Mohd Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd Adnan	52-61
<b>Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Jenayah Islam</b> <i>Implementation of Death Penalty in Malaysia From The Islamic Criminal Law Perspective</i> Wafaa' Yusof & Muhammad Hariz Muqri Azmi	62-74
<b>Sabit dan Hukuman Berkaitan Pemandu Mabuk Menurut Hukum Syarak</b> <i>Conviction and Punishment Related to Drunk Drivers According to Islamic Law</i> Amira Adila Sabri & Wafaa Yusof	75-84
<b>The Law of Naval Warfare: A Comparative Analysis in the Islamic Law of Armed Conflict and International Humanitarian Law</b> Begümhan I. Simsir, Geneva Academy	85-90
<b>Penguatkuasaan Penghakiman Sita dan Jual: Pelaksanaan dan Kekangan di Mahkamah Syariah</b> <i>Foreclosure and Sale Judgments Enforcement: Implementation and Constraints in Syariah Courts</i> Mohd. Hazwan Bin Ismail & Jasni Bin Sulong	91-101
<u>Ulasan Buku / Book Review</u> <b>Hamdeh, Emad. 2021. Salafism and Traditionalism: Scholarly Authority in Modern Islam. Cambridge University Press, DOI: 10.1017/9781108756594</b> Mohd Al Adib Samuri	101-103

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(1)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**International Editor**

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.